

SAJAK KUNCI BAHASA

LATIHAN PEMAHAMAN

Jawab SEMUA soalan.

1. Maksud *tidak berbilur bahasa di lidah* dalam rangkap pertama sajak Kunci Bahasa ialah
 - A. menggunakan perkataan yang berbunga-bunga supaya menarik hati.
 - B. menggunakan kata-kata yang sopan agar tidak menyakiti hati orang lain.
 - C. menggunakan perkataan yang mudah dan ringkas supaya senang difahami.
 - D. menggunakan kata-kata yang sesuai dengan umur dan keakraban hubungan.

2.

<i>Bahasa berbuah</i> <i>Tidak kering bahasa diperah.</i>
--

Rangkap sajak di atas bermaksud

- A. bahasa Melayu dikenali ramai.
 - B. bahasa Melayu sangat masyhur.
 - C. bahasa Melayu masih ketinggalan zaman.
 - D. bahasa berkembang secara dinamik dari zaman ke zaman.
3. Rangkap keempat sajak Kunci Bahasa bermaksud
 - A. bahasa digunakan dalam perbincangan secara berkesan.
 - B. bahasa digunakan oleh semua manusia dalam urusan harian.
 - C. bahasa bermaruah dituturkan oleh seseorang dengan penuh kesantunan.
 - D. penggunaan bahasa yang bersusila menjadi pengikat hubungan sesama insan.
4. Dalam rangkap kelima, bahasa sangat penting kerana
 - A. menjadi lambang perpaduan kaum.
 - B. mempunyai banyak peranan kepada manusia.
 - C. bahasa itu indah dan membawa banyak maksud.
 - D. menjadi alat komunikasi untuk meluahkan buah fikiran dan saling bertukar pendapat.

5. Apakah tema yang terdapat dalam sajak Kunci Bahasa?

- A. Kerajinan
- B. Kejujuran
- C. Kegigihan
- D. Komunikasi

6.

Tidak putus jambatan ukhuwah

Unsur bunyi yang terdapat dalam baris sajak di atas ialah

- A. repetisi
- B. anafora
- C. aliterasi
- D. asonansi

7. Nada yang terkandung dalam sajak Kunci Bahasa ialah

- A. sinis
- B. patriotik
- C. romantik
- D. melankolik

8.

*Bahasa bermaruah
tidak berbilur bahasa di lidah.*

Nilai yang terdapat dalam rangkap sajak ini ialah

- A. keadilan
- B. kesopanan
- C. bekerjasama
- D. bertanggungjawab

9. Berdasarkan rangkap ketiga sajak Kunci Bahasa, pengajaran yang dapat diperoleh ialah
- A. kita hendaklah memelihara bahasa agar tidak hilang ditelan zaman.
 - B. kita harus memartabatkan bahasa kita agar kedudukannya terjamin.
 - C. kita mestilah menggunakan bahasa yang baik demi kesan yang positif.
 - D. kita perlu menghargai bahasa supaya fungsi dan peranannya sempurna.
10. Apakah pengajaran yang terdapat dalam rangkap kelima sajak Kunci Bahasa?
- A. Kita hendaklah bijak ketika berbahasa.
 - B. Kita hendaklah berani menyuarakan pendapat.
 - C. Kita hendaklah bijak menggunakan bahasa dalam kehidupan seharian.
 - D. Kita hendaklah menghargai peranan dan kepentingan bahasa dalam pergaulan.
11.

Bahasa ialah ciri pengenalan identiti bangsa.
- Apakah cogan kata yang sesuai untuk dikaitkan dengan pernyataan di atas?
- A. Bahasa Jiwa Bangsa
 - B. Bahasa Asas Perpaduan
 - C. Bahasa Menunjukkan Bangsa
 - D. Maju Bangsa Majulah Bahasa
12. Yang berikut ialah fungsi bahasa berdasarkan sajak Kunci Bahasa, **kecuali**
- A. bahasa sebagai alat komunikasi.
 - B. bahasa digunakan untuk mengajar sejarah.
 - C. bahasa digunakan untuk mengeratkan persahabatan.
 - D. bahasa digunakan untuk membincangkan sesuatu isu.
13. Pada pendapat anda, apakah punca utama pencemaran bahasa di negara kita?
- A. Masyarakat kita selalu ke luar negara.
 - B. Masyarakat kita tidak mempelajari bahasa ibunda.
 - C. Masyarakat kita tidak mempunyai rasa cinta akan negara.
 - D. Masyarakat kita memandang rendah terhadap bahasa ibunda.